

Lebuh raya diubah jika ada galian

Oleh
NORAZMI ABDUL TALIB

KUALA LUMPUR, Rabu — Kementerian Kerjaraya akan mengubah laluan lebuh raya di negara ini jika di bawah jalan itu didapati mengandungi galian berharga seperti emas.

Ini kerana, galian itu lebih berharga dan mampu untuk menampung kos projek mengubah laluan berkenaan, kata Menteri Kerjaya, Datuk S Samy Vellu.

"Harga galian itu adalah lebih mahal daripada kos mengubah lebuh raya," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa kebakaran tujuh rumah setinggi dan sebuah bengkel di Jalan Imbi di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan mengenai kira-kira 90 peratus kawasan keselamatan di pinggir Lebuh Raya Kuala Lipis-Gua Musang disahkan mengandungi emas dan berpotensi untuk dimajukan.

Datuk Samy Vellu berkata, kementeriaannya tidak bercadang menjalankan kajian mengenai bahan galian sebelum lebuh raya dibina.

Katanya, jika kajian dibuat sudah tentu menambahkan kos pembinaan lebuh raya.

Sebaliknya, kata beliau, le-



DATUK S SAMY VELLU

bih baik lebuh raya dibina terlebih dahulu dan laluan akan diubah apabila tanah di bawahnya dikesan mengandungi galian berharga.

Mengenai kadar bayaran bil air pengguna, Datuk Samy Vellu berkata, kementeriaannya tiada rancangan untuk menaikkan kadar itu.

Sebelum itu, Datuk Samy

Vellu mengumumkan mesyuarat Jemaah Menteri hari ini bersetuju mengarahkan Kementerian Wilayah Persekutuan menyerahkan peruntukan \$500,000 yang diluluskan tahun lalu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, ketika peruntukan itu diluluskan dahulu, ia tidak digunakan keana DBKL sudah membina rumah panjang menempatkan mangsa kebakaran sebelum ini.

Rumah

"Penyerahan peruntukan itu untuk membolehkan DBKL membina lagi rumah panjang bagi menempatkan mangsa kebakaran terbaru itu," katanya.

Menurutnya, 14 keluarga mangsa terbabit akan ditempatkan di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Peel sehingga DBKL mendapatkan rumah sementara sebelum rumah panjang dibina.

Di perjumpaan itu, Datuk Samy Vellu menyampaikan sumbangan peribadi \$1,000 kepada mangsa terbabit.

Turut hadir ialah Datuk Bandar, Datuk Elyas Omar dan Ahli Parlimen Bukit Tinggi, Encik Lee Lam Thye.